



**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 2 – SESSION 2011 / 2012
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : UDP 2152
KOD KURSUS

COURSE NAME : PROFESSIONAL ETHIC
NAMA KURSUS ETIKA PROFESIONAL

YEAR / PROGRAMME : TWO / DUA

DURATION : 2 HOURS / 2 JAM
TEMPOH

DATE : APRIL 2012
TARIKH

INSTRUCTION/ARAHAN :

1. **Section A** : Answer ALL questions in the OMR provided. (20 marks)
Bahagian A : Jawab SEMUA soalan di dalam boring OMR yang disediakan. (20 markah)
2. **Section B** : Answer ALL questions in the answer booklet(s) provided. (20 marks)
Bahagian B : Jawab SEMUA soalan di dalam buku jawapan yang disediakan. (20 markah)
3. **Section C** : Answer ALL questions in the answer booklet(s) provided. (20 marks)
Bahagian C : Jawab SEMUA soalan di dalam buku jawapan yang disediakan. (20 markah)

(You are required to write your name and your lecturer's name on your answer script)
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama pensyarah pada skrip jawapan)

NAME / NAMA	:	
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:	
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:	
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:	
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:	

This examination paper consists of ...09... pages including the cover
Kertas soalan ini mengandungi09..... muka surat termasuk kulit hadapan

Bahagian A: (20 markah)

Jawab semua soalan berikut di dalam borang OMR yang disediakan.

1. Dalam struktur sosial masyarakat, golongan profesional diletakkan sebagai:
 - A. Kumpulan atas dari segi prestij, kedudukan dan kuasa
 - B. Kumpulan pertengahan yang mempunyai kuasa wang
 - C. Kumpulan bawah yang menjalankan tugas utama
 - D. Kumpulan pengurusan yang berpengaruh dalam semua hal

2. Hampir semua kod etika profesion menekankan tanggungjawab untuk memberikan :
 - A. Kerjasama
 - B. Kebaikan umum
 - C. Tugas berpasukan
 - D. Kawalan peribadi

3. Tanggungjawab terhadap kebaikan awam meliputi aspek-aspek berikut:
 - I. Sabar
 - ~~II.~~ Kepimpinan sosial
 - ~~III.~~ Peningkatan pengetahuan dan kemahiran
 - ~~IV.~~ Mengekalkan dan menambah peranan profesion berkenaan
 - A. I, II dan III
 - B. I, III dan IV
 - C. II, III dan IV
 - D. Semua di atas

4. Menjalankan penyelidikan dalam bidang profesion masing-masing merupakan tanggungjawab?
 - A. Badan-badan profesional
 - B. Pihak kerajaan
 - C. Syarikat swasta
 - D. Profesional itu sendiri

5. Pada umumnya sumber kewangan boleh diperolehi daripada punca-punca berikut:
 - ~~I.~~ Individu,
 - ~~II.~~ Kerajaan
 - ~~III.~~ Swasta
 - ~~IV.~~ Pemimpin politik
 - A. I dan II
 - B. I dan IV
 - C. I, II dan III
 - D. I, II dan IV

6. Sebagai profesional seseorang itu mempunyai hak moral yang bertindih, antaranya:

- I. Ketua
- II. Pekerja
- III. Profesional
- IV. Manusia biasa

- A. I dan III
- B. I, II dan IV
- C. I, III dan IV
- D. II, III dan IV

7.


Hak untuk membuat penilaian secara bebas
Hak untuk menolak daripada melakukan sebarang tindakan tidak beretika
Hak untuk bercakap di khalayak ramai
Hak untuk melibatkan diri dalam aktiviti persatuan profesional

Rajah 1.1

Pernyataan dalam rajah 1.1 di atas berkaitan dengan peranan sebagai _____ dan _____ yang terlibat.

- I. profesional
- II. obligasi
- III. tugas
- IV. peranan

- A. I dan III
- B. II dan IV
- C. I dan II
- D. I dan IV



Rajah 1.2

8. Ciri-ciri tersebut dalam rajah 1.2 di atas berkait dengan perbuatan:

- A. Hak profesional
- B. Meniup wisel
- C. Hak moral
- D. Tanggungjawab profesional

9.

Pendedahan salah laku dan perbuatan yang tidak beretika dalam sesebuah organisasi oleh pekerja atau bekas pekerja di organisasi tersebut.

Rajah 1.3

Pernyataan di rajah 1.3 merujuk kepada definisi:

- A. Meniup wisel
- B. Hak profesional
- C. Hak moral
- D. Tanggungjawab profesional

10.

Tindakan tidak adil yang dikenakan kepada seseorang secara sewenang-wenangnya dengan alasan yang tidak berasas, malah yang lebih tidak beretika sekiranya tindakan tidak adil tersebut dikaitkan dengan amalan perkauman.

Rajah 1.4

Pernyataan di dalam rajah 1.4 di atas berkait dengan:

- A. Rasisme
- B. Komunisme
- C. Diskriminasi
- D. Segregasi

Soalan 11 hingga 13 berpandukan kepada pernyataan jawapan berikut:

- A. Hak kemanusiaan
- B. Hak profesional
- C. Hak pekerja

- 11. Hak sebagai manusia biasa seperti hak menjalankan kegiatan peribadi dan hak untuk menjalani kehidupan. **A**
- 12. Hak moral yang berkait dengan tanggungjawab sebagai profesional seperti mengelak dari aktiviti tidak beretika, dan hak untuk mendapat pengiktirafan dan upah yang adil. **B**
- 13. Hak-hak yang sepatutnya dinikmati oleh seseorang pekerja. **C**

Jawapan soalan 14 dan 15 berpandukan jawapan di dalam rajah 1.5 di bawah:

- A. Profesional Perunding
- B. Profesional Bergaji
- C. Profesional Persendirian
- D. Profesional Bersyarikat

Rajah 1.5

- 14. Mereka mendapat upah (bayaran) daripada hasil perkhidmatan yang diberikan. **B**

15. Mereka mendapat gaji daripada organisasi tempat mereka memberikan perkhidmatan. ✕
16. Mengapakah pengiklanan ditegah untuk digunakan oleh profesional di dalam mempromosikan perkhidmatan profesional mereka?
- A. Wujudnya unsur penipuan
 - B. Profesional tidak jujur dalam memberi perkhidmatan
 - C. Masalah kos dan bayaran yang tinggi
 - D. Kesan buruk kepada syarikat berskala kecil
17. Apakah peranan profesional sebagai saksi pakar di dalam institusi mahkamah?
- A. Supaya memudahkan perjalanan perbicaraan dengan melantik profesional berkenaan sebagai pemudahcara
 - B. Profesional, di dalam sistem kehakiman Malaysia perlu dilantik untuk menjadi juri dalam mana-mana perbicaraan di mahkamah
 - C. Keterangan saksi profesional dipinta meliputi berbagai-bagai kes seperti keselamatan produk, kemalangan jalan raya, industri atau perkhidmatan penerbangan
 - D. Tanpa penglibatan profesional di dalam mahkamah sesuatu perbicaraan itu tidak akan berjalan dengan adil

18.

- ✕ Mereka dibayar kerana menang kes di dalam perbicaraan di mahkamah.
- ✕ Mereka mendapat bayaran apabila keputusan mahkamah menetapkan kadar yang sesuai.
- ✕ Bayaran biasanya dibuat atas landasan undang-undang

Rajah 1.6

Pernyataan di dalam rajah 1.6 membayangkan seseorang profesional itu mendapat imbohan dari penglibatannya di dalam proses perbicaraan di mahkamah. Profesional berkenaan merupakan pengamal profesion:

- A. Kehakiman
- B. Perguruan
- C. Kedokteran
- D. Guaman

19.

Pemantauan tingkah laku golongan profesional wajar agar mereka terus mematuhi segala tanggungjawabnya dan bagi mengelakkan perbuatan salah laku segelintir pengamal dalam mana-mana profesion. Ini boleh dibuat melalui penubuhan badan-badan profesion yang diiktiraf oleh undang-undang bagi memastikan mereka dapat mematuhi norma-norma profesional dan memberikan perkhidmatan yang adil.

Rajah 1.7

Rajah 1.67 di atas menerangkan tentang betapa perlunya setiap profesional melaksanakan tugas sebagaimana yang diamanahkan kepada mereka. Ini disebabkan faktor berikut:

- A. Sebagai mekanisma kawalan terhadap salah laku golongan profesional
- B. Untuk menghapuskan salah laku yang sering berlaku dalam kalangan profesion ini
- C. Mengurangkan kebergantungan kepada kawalan pihak berkuasa kerajaan
- D. Menambahkan lagi penghormatan masyarakat kepada golongan profesional

20. Sekiranya berlaku salah laku berlaku di dalam hubungan profesional klien, maka masyarakat dibenarkan untuk mengambil tindakan-tindakan berikut:

- I. Didakwa di mahkamah
- II. Dinafikan keahlian oleh badan-badan profesion
- III. Masyarakat menyalahkan (secara terbuka) profesional berkenaan
- IV. Masyarakat boleh memulaukan, enggan berurusan atau merujuk kepada profesional itu

- A. I dan II
- B. III dan IV
- C. II dan III
- D. I dan IV

~~~~Soalan objektif tamat~~~~

---

**Bahagian B: (20 markah)**

Jawab semua pernyataan berikut di dalam buku jawapan yang disediakan:

- 1. Monopoli Perkhidmatan (4 markah)
- 2. Pengkhususan Perkhidmatan (4 markah)
- 3. Model Fiduciary (4 markah)
- 4. Pihak Ketiga (4 markah)
- 5. Ketulusan dan Kejujuran (4 markah)

---

**Bahagian C:**

Penyakit Rasuah Yang Kian Membengkak

November 9, 2010 Blog MACC

<http://www.ourdifferentview.com/?tag=rasuah-kian-membengkak>

- ① Era digital ini menyaksikan pertumbuhan ekonomi yang begitu rancak. Namun dalam usaha menuju era globalisasi dunia tanpa sempadan, Negara terpaksa bersemuka dengan satu penyakit sosial yang agak kritikal sehingga boleh meranakan peradaban bangsa kita. Kita singkap Laporan rasuah oleh *Transparency International* 2010 melaporkan bahawa Malaysia masih lagi berada di tangga 56 pada Indeks Persepsi rasuah tetapi mata yang dikutipnya merosot daripada 4.5 kepada 4.4. Kajian daripada *Tranperancy International* itu telah membuatkan penulis berasa terpanggil sekali lagi untuk mengarang artikel yang berpaksikan tajuk "Gejala Rasuah yang Kian Membengkak".
- ② Walaupun isu ini hangat diperkatakan, pernahkah terlintas dalam benak fikiran anda apakah maksud "rasuah"? Nah pembaca sekalian, perkataan rasuah berasal daripada perkataan arab yang berbunyi *al-risywah*. Dalam Al-Quran juga digolongkan dalam kata umum batil iaitu meliputi juga perbuatan jenayah yang lain seperti merompak, memeras ugut dan menipu. Juga, terdapat beberapa definisi lain yang diberikan oleh beberapa pihak yang pakar dalam bidang ini. Dalam kamus *Concise Law Dictionary*. P.G Osborne memberi definisi bribery and corruption sebagai perbuatan *giving or offering any reward to any person to influence his conduct; or receipt of such reward*. Manakala John B. Saunders pula dalam kamus *Mozley and Whiteley's Law* memberikan definisi *the Taking and Giving money for the performance or non-performance of a public duty*.
- ③ Dalam ruang lingkup di biosfera ini, rasuah adalah wabak penyakit dan jenayah yang telah menular dan menjadi darah daging dalam kehidupan masyarakat di semua tempat. Tidak ada negara yang boleh mendakwa dirinya bebas

- 4) dari rasuah, cuma yang boleh membezakan pada tempoh satu-satu masa hanyalah dari segi keseriusan jenayah rasuah yang berlaku. Menurut Badan Pemerhati Rasuah Antarabangsa menunjukkan indeks rasuah di negara ini juga membengkak setiap tahun. Barah penyakit sosial ini kian parah umpama tumor yang tumbuh tanpa rawatan rapi. Apa yang menakutkan dan membimbangkan kita ialah jika keadaan amalan jenayah rasuah ini terus meningkat, maka amat dikuatiri akan mengancam kestabilan politik, ekonomi dan negara kita.
- 5) Menurut statistik yang telah dilaporkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), sebanyak 500 tangkapan telah dibuat keatas kesalahan jenayah rasuah. Daripada jumlah ini didapati 191 orang atau sebanyak 38.2 peratus adalah penjawat awam dan seramai 180 orang atau 38 peratus adalah orang awam. Manakala selebihnya ialah ahli-ahli politik, anggota pentadbiran, kakitangan swasta dan lain-lain. Statistik ini merupakan statistik daripada penangkapan oleh SPRM. Bagaimana pula dengan kesalahan yang tidak dapat dikesan oleh SPRM? Semestinya menjangkau lebih jauh daripada statistik yang dilaporkan. Persoalan besar timbul ialah mengapa amalan najis rasuah berlaku?
- 6) Disini penulis ingin meluahkan sedikit luahan pemikiran penulis dari benak minda yang sentiasa meronta-ronta untuk meluakannya. Berdasarkan pemerhatian dan hemat penulis, faktor yang terbesar menyebabkan berlakunya gejala ini ialah seseorang itu bernafsu besar dalam mengejar sesuatu yang diinginkan tetapi kewangan hanyalah 'ciput', sikap yang ingin bermewah-mewah, tidak sabar hendak mengalahkan kekayaan Robert Kwok (Orang terkaya di Malaysia), mereka mempunyai keyakinan melampau batas sehingga yakin diri mereka tidak diambil tindakan undang-undang ataupun diketahui oleh pihak berkuasa)
- 7) Gejala rasuah yang kian membengkak ini sebenarnya merugikan banyak dana dulang emas negara yang kaya ini. Berdasarkan penyataan daripada Morgan Stanley pada tahun 2004, beliau menganggarkan bahawa rasuah dalam tempoh dua dekad dari pertengahan tahun 1980-an telah mengakibatkan kerugian kepada negara melebihi AS\$100 billion. Analisa di atas tadi menyatakan bahawa rasuah meningkat saban tahun. Bagaimana kalau tempoh rasuah dalam jangka masa dekad tersebut bermula dari tahun 1990? Sudah tentu jawapan yang kita dengar agak sumbang namun itulah realiti yang kita harus terima. Malah Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) pada tahun 2008 menganggarkan sebanyak RM10 billion hilang daripada pertumbuhan negara kasar kerana rasuah. Jelas sekali pembaca sekalian, perasuah ialah pengkhianat negara.
- 8) Pengamal, penyalahguna dan mereka yang bersubhat dengan rasuah adalah pengkhianat negara. (Pembahagian hasil negara hanya tertumpu kepada orang yang tertentu sahaja dan menaikkan inflasi negara sekali gus menyebabkan ekonomi negara *pumping*.) Dengan demikian, golongan yang paling malang dan rugi ialah golongan petani, penoreh getah, penarik beca dan kumpulan yang dhaif yang lain yang tidak mengerti apa-apa tentang pengurusan harta negara dan (berasa tertekan akibat kenaikan harga barangan disebabkan oleh ekonomi negara yang tidak menentu.) Apa yang nyata, kadar celik huruf dan celik akal dalam kalangan rakyat negara ini semakin tinggi tetapi mereka yang terlibat gagal membuat penilaian dengan waras tentang isu-isu rasuah di negara ini. Oleh itu, kita semua hendaklah berusaha memerangi jenayah rasuah negara kita ini secara serius demi melahirkan urus tadbir yang baik dalam perkhidmatan kerajaan mahupun swasta.
- 9) Bertitik tolak dari situ, Kita tidak dapat menafikan usaha pihak kerajaan dalam pembasmian rasuah. Dalam pelan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) mempunyai enam NKRA yang telah diputuskan oleh kabinet dan salah satu daripada enam NKRA tersebut ialah membenteras jenayah. Apa yang penulis ingin persoalkan ialah adakah pihak tersebut serius dalam menangani gejala rasuah tersebut berdasarkan kelemahan yang banyak dalam pelaksanaan pembasmian rasuah tersebut. Persepsi mengenai amalan rasuah di Malaysia telah meningkat dan menyebabkan kedudukan Malaysia dalam Persepsi Rasuah (CPI) di bawah Transparency International telah menurun daripada tempat 23 tahun 1995 kepada 56 pada tahun 2010. Pada tahun ini Negara Malaysia hanya tersangkut di tangga ke 56 berbanding tahun lalu namun CPI berkurangan daripada 4.5 kepada 4.4 sedangkan sasaran di peringkat NKRA adalah untuk meningkatkan skor CPI daripada 4.5 kepada 4.9.
- 10) Secara tuntasnya, (langkah untuk mengatasi endemik ini harus diteliti dan pantau oleh semua pihak dengan efektif.) (Perubahan paradigma masyarakat terhadap rasuah perlu berlaku terlebih dahulu jika masalah ini hendak diatasi ke akar umbinya.) (Sikap tidak endah dalam mengatasi masalah) ini menyebabkan negara kita *lagging* kebelakang negara maju yang lain. Mungkin konsep mencegah lebih baik daripada mengubati amat berkesan bagi memastikan rasuah terus dikuburkan dan *ditalqinkan* ditempat yang sepatutnya. Penulis mengajak dan merayu kepada pembaca sekalian

agar memerangi gejala yang menjadi barah dalam daging ini kerana kita tidak dapat memberikan tanggungjawab sepenuhnya kepada pihak kerajaan secara total. (Tanya bermula daripada individu itu sendiri.) Akhir kalam, semoga penulisan secara tidak langsung memberikan sedikit suntikan baru buat kita untuk mengelak diri dari gejala tidak sihat rasuah ini dan berusaha membenterasnya. Jika kita lihat dari segi statistik rasuah, jelas terpapar menunjukkan bahawa kadar rasuah di negara-negara maju adalah rendah. Kita perlu renung dan berfikir dari pelbagai sudut. Jika ingin menjadi sebuah negara yang maju, rasuah perlu dihapuskan. #

**BAHAGIAN C: (20 markah)**

Jawab semua soalan berikut di dalam buku jawapan yang disediakan:

1. Berdasarkan pernyataan di perenggan tujuh di atas, terangkan maksud perkataan pengkhianat negara. (2 markah)
2. Mengapakah berlakunya rasuah dan kenapakah perbuatan rasuah ini amat sukar dibenteras? Beri pendapat anda. (4 markah)
3. Lihat perenggan lapan pada ayat yang bergaris, sejauhmanakah gejala rasuah ini boleh merugikan negara dari sudut ekonomi, politik dan sosial? (4 markah)
4. Berdasarkan pemerhatian anda, adakah undang-undang sekarang kurang berjaya mengatasi masalah ini? (5 markah)
5. Apakah langkah-langkah sesuai untuk yang patut diambil bagi mengurangkan gejala rasuah? Bincangkan. (5 markah)

~Soalan tamat~  
Selamat Berjaya